

Untuk Siaran Segera

SIARAN AKHBAR

SURUHANJAYA TENAGA RAMPAS 2000 UNIT KELENGKAPAN ELEKTRIK YANG TIDAK MENGIKUT STANDARD DAN PERATURAN DITETAPKAN ST

PUTRAJAYA -- Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas sebuah premis di Mutiara Damansara kelmarin dengan merampas lebih kurang 2000 unit kelengkapan elektrik pelbagai jenis yang didapati tidak mematuhi Peraturan 97 dan Peraturan 98 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Kesemua barang rampasan dianggarkan bernilai RM28,000.00.

Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasaran Kawasan ST, Ir. Othman Omar berkata bahawa Suruhanjaya Tenaga memandang serius terhadap premis-premis yang menjual alat-alat kelengkapan elektrik yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang dikawal selia oleh Suruhanjaya kerana alat-alat kelengkapan elektrik yang dirampas diyakini tidak selamat dan boleh menyebabkan kecederaan yang serius kepada pengguna.

“Pegawai Suruhanjaya Tenaga telah melakukan pemantauan awal terhadap premis tersebut dan mendapati premis tersebut masih menjual kelengkapan elektrik yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan”.

“Sebanyak 2 notis amaran telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga, namun premis masih gagal untuk mematuhi notis dan sehingga 2 Jun 2014, premis masih menjual kelengkapan elektrik tersebut”, menurut Othman lagi.

Jika didapati bersalah, premis serta pengarah-pengarah syarikat boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan 122 Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5000, atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana kegagalan untuk mematuhi Peraturan 97(1), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu menjual serta memamer kelengkapan elektrik tanpa memiliki Perakuan Kelulusan yang sah daripada Suruhanjaya Tenaga dan di bawah Peraturan 98, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu tidak melabel kelengkapan dengan label SIRIM.

Suruhanjaya Tenaga akan meneruskan tindakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaanya bagi membendung serta membenteras penjualan alat-alat kelengkapan elektrik dipasaran yang didapati tidak mematuhi peruntukan undang-undang ditetapkan dibawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Sehubungan dengan itu, pengguna-pengguna elektrik adalah dinasihatkan agar tidak membeli kelengkapan elektrik yang tidak mempunyai label atau tanda pelekat Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM bagi mengelakkan risiko kemalangan elektrik.

Suruhanjaya Tenaga
9 Jun 2014

